

Pentadbiran tanah, PBT diperkemas: PM

BH - 24/11/2006

12 undang-undang berkaitan akan dipinda tahun depan

Oleh Veena Rusli

KOTA KINABALU: Pindaan undang-undang membabitkan urusan pentadbiran tanah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) termasuk pengeluaran sijil layak menduduki (CF) akan dibentang di Parlimen tahun depan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, kelulusan pindaan itu diharap akan membolehkan sistem penyampaian awam berjalan dengan lebih lancar demi faedah rakyat selaku golongan sasaran.

“Kita perlu meminda 12 undang-undang berkaitan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sepatutnya dilakukan tahun ini.

“Oleh kerana Parlimen sibuk de-

ngan pindaan undang-undang lain, kita harap ia dapat dilakukan tahun depan, seboleh-bolehnya pada sesi pertama supaya kelulusan cepat diperolehi.

“Ada juga aspek berkaitan pentadbiran tanah yang belum dijayakan sepenuhnya dan saya memantainya dengan rapi kerana urusan berkaitan pejabat tanah serta PBT dilihat paling diminati,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) 2006 bertemakan Integriti Perkhidmatan Awam Teras Pembangunan Negara di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan.

Mengenai Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Abdullah berkata, semua jentera pelaksana termasuk wakil rakyat perlu bekerja keras dalam memastikan segala perancangan berjalan lancar.

“Saya pun wakil rakyat juga tetapi oleh sebab jawatan Perdana Menteri sekarang lebih sibuk, ada orang saya di bawah yang bekerja.

“Hubungan saya dengan mereka baik, tak ada nak cemburu atau rebut... bukan sebab saya Perdana Menteri tetapi memang dari dulu lagi begitu,” katanya sambil menekankan kepentingan wakil rakyat menjalin hubungan baik dengan pejabat daerah, Jabatan Pertanian dan Jabatan Pelajaran.

Terdahulu ketika berucap, Perdana Menteri menyatakan belum berpuas hati dengan tahap kecekapan

pentadbiran awam dan mahu keadaan itu diperbaiki secara berterusan.

Mengakui perkara itu kerap disebutnya, Abdullah berkata, penekanan itu penting kerana kakitangan awam mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan matlamat pembangunan negara dicapai menerusi RMK-9.

“Sektor awam mesti berganding dengan sektor swasta, malah kerjasama kedua-dua pihak akan membolehkan pelbagai urusan dibesarkan dengan lebih cepat.

“Sektor swasta adalah pemudah cara dan penjana pertumbuhan ekonomi, tetapi mereka tak boleh lakukan segala-galanya kerana masih memerlukan sektor awam untuk luluskan lesen, tanah serta undang-undang pentadbiran,” katanya.